



**TERMA LANTIKAN PEMBANTU PENYELIDIK /
PEMBANTU PENYELIDIK (PELAJAR)
SECARA SEMENTARA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

1.	Jawatan	Pembantu Penyelidik / Pembantu Penyelidik (Pelajar)
2.	Taraf Lantikan	<p>Secara sementara.</p> <p>(RA/RAS yang telah dilantik, tidak boleh menerima tawaran lantikan RA/RAS bagi geran penyelidikan yang lain dalam tempoh masa yang sama)</p>
3.	Kelayakan	<p>a. Minimum kelayakan akademik calon yang dilantik sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).</p> <p>b. Calon yang sedang mengikuti cuti melanjutkan pengajian dibawah Program Penawaran Biasiswa dan Cuti Belajar seperti (SLAB)/(SLAI), (SLKKAP), (HLP) DLL tidak boleh dilantik sebagai RA/RAS.</p>
4.	Gaji	<p>a. Kadar gaji RA/RAS tertakluk kepada kelulusan geran penyelidikan universiti (VOT 11000).</p> <p>b. Kadar bayaran adalah mengikut kelayakan seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) PhD – 1100.00-RM2500.00/ bulan ii) Sarjana – RM1100-RM2300/ bulan iii) Sarjana Muda – RM1100 – RM2000.00/ bulan iv) Diploma – RM1100.00 -1800.00/ bulan v) STPM – RM1100.00 – 1800.00/ bulan vi) SPM – RM1100 – RM1200.00/ bulan <p>c. RA/RAS yang dilantik di bawah geran penyelidikan luar, kadar gaji tertakluk kepada pemberi geran dan kelulusan penyelidikan.</p> <p>d. Kadar bagi RA adalah tidak termasuk kos caruman majikan (KWSP dan Perkeso)</p> <p>e. Kadar gaji/ upah bagi pelantikan secara harian adalah mengikut jumlah gaji bulanan dibahagikan dengan jumlah hari bekerja pada bulan semasa.</p>
5.	Kehadiran Bekerja	<p>i. RA/RAS dikehendaki menjalankan tugas selama Sembilan (9) jam sehari termasuk waktu rehat mengikut waktu masuk dan balik yang ditetapkan oleh Ketua Penyelidik.</p> <p>j. RA/RAS dikehendaki mengetip kehadiran bekerja sendiri semasa datang dan balik.</p>
6.	Mekanisma Pembayaran Gaji	<p>a. RA/RAS akan dibayar gaji mengikut kadar yang telah ditetapkan berdasarkan hari-hari bekerja dengan pengesahan oleh Ketua Penyelidik.</p> <p>b. RA/RAS hendaklah membuka akaun di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk tujuan pembayaran gaji.</p> <p>c. Senarai Kehadiran yang telah disahkan oleh Ketua Penyelidik perlu diserahkan kepada Unit Tadbir Urus dan Kewangan, PPPI selewat-lewatnya 2hb berikutnya setiap bulan. Sekiranya senarai kehadiran tersebut tidak diterima pada tarikh yang dinyatakan maka gaji tidak dapat diproses dan akan dibayar pada bulan berikutnya sebagai tunggakan.</p>

7.	Kemudahan	RA/RAS tidak layak menerima apa-apa kemudahan atau keistimewaan sebagaimana yang diberi kepada anggota-anggota lantikan tetap Universiti Pendidikan Sultan Idris.
8.	Tatatertib dan Kelakuan	RA/RAS tertakluk kepada Perlembagaan Universiti, Statut, Akta dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan kepada kaedah-kaedah tatatertib dan apa-apa peraturan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di Universiti ini.
9.	Tugas dan Kewajipan	RA/RAS dikehendaki menjalankan kewajipan-kewajipan biasa bagi pelantikan ini serta apa-apa tugas lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh pihak yang melantik.
10.	Penamatan Perkhidmatan	<p>a. Pelantikan RA/RAS secara sementara boleh ditamatkan selepas diberi notis 24 jam dan dibayar gaji mengikut jumlah hari bekerja.</p> <p>b. Surat penamatan/ perlatakan jawatan hendaklah diserahkan kepada Unit Tadbir Urus dan Kewangan, PPPI sebulan sebelum tarikh tamat perkhidmatan melalui Ketua Penyelidik.</p>
11.	Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	<p>a. Semua prosedur caruman KWSP dan PERKESO adalah mengikut peraturan perkhidmatan yang berkuat kuasa di Universiti ini.</p> <p>b. RA yang bergaji RM2,000.00 sebulan dan ke bawah (atau seperti yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkenaan dari semasa ke semasa) adalah diwajibkan juga mencarum kepada Skim Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).</p> <p>c. RA/RAS bertanggungjawab membayar cukai pendapatan yang dikenakan bagi gaji dan apa-apa pendapatan lain.</p> <p>d. RA/RAS yang berstatus Pelajar akan dikecualikan dari caruman KWSP dan PERKESO.</p>
12.	Jaminan	Pelantikan ini tidak membawa apa-apa jaminan bahawa RA/RAS akan dipilih untuk lantikan tetap sama ada dalam perkhidmatan sekarang atau dalam perkhidmatan lain di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
13.	Tuntutan Elaun dan Bayaran	<p>a. RA/RAS layak untuk menuntut bayaran elaun-elauan perjalanan rasmi (termasuk elaun makan, elaun harian dan elaun lojing) bagi urusan berkaitan dengan penyelidikan mengikut kadar yang berkuat kuasa di Universiti.</p>
14.	Kemudahan Perubatan	<p>a. RA/RAS tidak akan diberi kemudahan-kemudahan perubatan dan cuti seperti yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan perubatan dan cuti anggota-anggota Univeristi Pendidikan Sultan Idris.</p> <p>b. Pihak berkuasa melantik juga tidak akan membayar sebarang bil-bil perkhidmatan perubatan yang didapati oleh saudara/i dari mana-mana klinik atau hospital.</p>
15.	Cuti	<p>a. RA/RAS yang dilantik secara sementara layak mendapat kemudahan cuti rehat bergaji penuh berjumlah 12 hari bagi tempoh perkhidmatan selama setahun. RA/RAS perlu merujuk kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) bagi agihan cuti untuk mengetahui setiap cuti yang diperuntukkan bagi tempoh setahun.</p> <p>b. Cuti rehat yang tidak diambil akan luput apabila tempoh lantikan tamat.</p>

16.	Penagihan Dadah	Pihak berkuasa melantik berhak pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan RA/RAS atau mengambil apa-apa tindakan lain mengikut peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekiranya RA/RAS didapati terlibat dengan penagihan dadah dengan apa cara sekalipun.
17.	Menarik Balik Tawaran dan Menamatkan Perkhidmatan Jika Maklumat Yang Diberi Didapati Tidak Benar	Pihak berkuasa melantik berhak menarik balik tawaran ini atau menamatkan perkhidmatan RA/RAS tanpa memberi notis terlebih dahulu, sekiranya didapati bahawa maklumat yang tidak benar telah diberi dalam mana-mana dokumen yang dikemukakan berkaitan dengan pelantikan ini ke dalam perkhidmatan yang ditawarkan.
18.	Hubungan	RA/RAS hendaklah bukan dalam kalangan keluarga/ saudara terdekat Ketua Penyelidik/ Penyelidik bersama.